

No. Soalan			Jawapan	Markah										
1	(a)	(i)	Dua bentuk perbuatan mempersendakan Islam <ul style="list-style-type: none"> - Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT. - Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW. - Menghina golongan ulama dan orang soleh. - Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata. - Menyanjung perbuatan maksiat. - Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. 	2 isi x 1m = 2m										
		(ii)	Dua cara menjaga kesucian Islam <ul style="list-style-type: none"> - Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat. - Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW. - Meningkatkan kualiti ibadat fardu dan sunat demi menjamin keutuhan akidah. - Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam. - Mengamalkan tuntutan amar makruf nahi munkar dalam kehidupan. - Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman dan denda yang berat kepada pesalah. 	2 isi x 2m = 4m										
		(iii)	Rubrik penskoran: <table border="1" data-bbox="478 1380 1654 1780"> <thead> <tr> <th>Kriteria</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan hujah sahaja</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td> <td>2m</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td> <td>3m</td> </tr> <tr> <td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4m</td> </tr> </tbody> </table> Cadangan isi <ul style="list-style-type: none"> - Syariat Islam sesuai dengan fitrah manusia sepanjang zaman - Ketetapan Allah ada hikmah tersendiri yang tidak mampu dicapai akal manusia - Syariat Islam adalah untuk memelihara keamanan sejagat kerana ia datang daripada Pencipta / al-Khaliq 	Kriteria	Skor	Menyatakan hujah sahaja	1m	Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m	Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m	Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m	4m
Kriteria	Skor													
Menyatakan hujah sahaja	1m													
Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m													
Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m													
Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m													
	(b)	(i)	Maksud potongan hadis yang bergaris <ul style="list-style-type: none"> - Imam itu ialah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya 	1 isi x 2m = 2m										
		(ii)	Dua tanggungjawab pemimpin <ul style="list-style-type: none"> - Berlaku adil dan menghapuskan kezaliman - Menegakkan syariat Islam 	2 isi x 1m = 2m										

		<ul style="list-style-type: none"> - Menyusun sistem pentadbiran yang cekap dan amanah - Menyediakan infrastruktur yang lengkap - Bersikap toleransi terhadap orang bawahan 	
	(iii)	<p>Dua pengajaran daripada hadis di atas</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin (1m) yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak (1m) - Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin (1m) dengan adilnya dan amanah (1m) - Kita hendaklah memelihara dan melindungi anggota keluarga (1m) agar selamat di dunia dan akhirat (1m) - Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap segala urusan keluarga dan rumah tangga (1m) agar kekal harmoni (1m) - Kita hendaklah sentiasa bersikap amanah dalam pekerjaan (1m) supaya rezeki diberkati (1m) - Kita hendaklah berbakti kepada ibu bapa semasa mereka hidup atau setelah meninggal dunia (1m) kerana jasa mereka tidak terbalas (1m) - Kita hendaklah mencontohi sunah Rasulullah SAW dalam segala aspek kepimpinan (1m) kerana baginda ialah contoh ikutan yang terbaik (1m) 	<p>2 isi x 2m = 4m</p> <p>Isi = 1m huraian = 1m</p>
	(c)	<p>Jenis mad lazim</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mad lazim kalimi musaqqal - Mad lazim harfi mukhaffaf 	<p>2 isi x 1m = 2m</p>
2	(a)	(i) <ul style="list-style-type: none"> Takrif ajaran sesat - Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah 	<p>1 isi x 2m = 2m</p>
	(ii)	<p>Ciri ajaran sesat dari aspek berikut</p> <p>a) Al-Quran dan al-Hadis</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul - Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi - Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum Islam <p>b) Akhlak</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengejek, merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat nabi SAW - Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar - Memperkecil amalan masyarakat berdasarkan sunah Rasulullah SAW sebaliknya berbangga dengan amalan yang bertentangan dengan syariat Islam 	<p>1 isi x 2m = 2m</p> <p>1 isi x 2m = 2m</p>

(iii)	<p>Rubrik penskoran:</p> <table border="1" data-bbox="294 222 1606 667"> <thead> <tr> <th data-bbox="294 222 1375 281">Kriteria</th> <th data-bbox="1375 222 1606 281">Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="294 281 1375 341">Menyatakan hujah sahaja</td> <td data-bbox="1375 281 1606 341">1m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="294 341 1375 400">Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td> <td data-bbox="1375 341 1606 400">2m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="294 400 1375 504">Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td> <td data-bbox="1375 400 1606 504">3m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="294 504 1375 667">Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td data-bbox="1375 504 1606 667">4m</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="294 727 556 786">Cadangan isi</p> <ul data-bbox="294 786 1575 1172" style="list-style-type: none"> - Tidak memahami/ tidak merujuk kandungan al-Quran dan hadis - Belajar ilmu agama bukan dari ulama/guru yang muktabar - Kurang ilmu agama menyebabkan tidak dapat membezakan ajaran yang benar mengikut al-Quran dan al-Sunah dengan ajaran sesat - Mentafsir ayat al-Quran dan hadis berdasarkan akal semata-mata/ mengikut hawa nafsu <p data-bbox="294 1202 1302 1261">#jawapan mesti dikaitkan dengan al-Quran dan hadis</p>	Kriteria	Skor	Menyatakan hujah sahaja	1m	Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m	Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m	Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m	4m
Kriteria	Skor											
Menyatakan hujah sahaja	1m											
Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m											
Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m											
Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m											
(b) (i)	<p>Maksud al-Raqib</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk. 	1 isi x 2m = 2m										
(ii)	<p>Bukti Allah SWT bersifat al-Raqib</p> <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya. - Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia. 	1 isi x 2m = 2m										
(c) (i)	<p>Sejarah ringkas aliran Syiah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib r.a dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW (1m) dan berkeyakinan bahawa hanya Ahlul Bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah (1m). 	2 isi x 1m = 2m										
(ii)	<p>Dua prinsip utama Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meyakini bahawa al-Imamah merupakan rukun agama (1m) dan telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan RasulNya secara nas (1m). - Meyakini bahawa imam-imam adalah maksum (1m) iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar (1m). - Menyanjung Saidina Ali r.a secara keterlaluan (1m) sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW (1m). 	<p>2 isi x 2m = 4m</p> <p>Isi = 1m Huraian = 1m</p>										

			<ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan <i>al-Taqiyyah</i> (1m) iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya (1m). - Menambah nama Saidina Ali r.a dalam syahadah (1m) selepas nama nabi Muhammad SAW (1m). 											
3	(a)	(i)	<p>Dua matlamat pensyariatian muamalat dalam Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia. - Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah. - Segala urusan dalam muamalat Islam bertepatan dengan matlamat syariat Islam. - Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemilik. - Mendapat keredaan Allah SWT kerana melakukan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya dalam urusan harian. 	2 isi x 2m = 4m										
		(ii)	<p>Dua unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Riba - Gharar - Judi - Dharar 	2 isi x 1m = 2m										
		(iii)	<p>Rubrik penskoran:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kriteria</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan hujah sahaja</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td> <td>2m</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td> <td>3m</td> </tr> <tr> <td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4m</td> </tr> </tbody> </table> <p>Cadangan isi: Menepati muamalat Islam jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tiada unsur yang diharamkan dalam jual beli tersebut. - Sekiranya memenuhi syarat sah jual beli. - Tiada unsur penipuan. <p>Tidak menepati muamalat Islam jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terdapat unsur yang diharamkan dalam jual beli tersebut - Tidak memenuhi syarat sah jual beli. - Terdapat unsur penipuan 	Kriteria	Skor	Menyatakan hujah sahaja	1m	Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m	Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m	Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m	4m
Kriteria	Skor													
Menyatakan hujah sahaja	1m													
Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m													
Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m													
Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m													

	(b)	(i)	Maksud wali - Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua jenis wali - Wali mujbir - Wali bukan mujbir	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	Dua syarat wali - Islam - Lelaki - Baligh - Berakal - Adil - Merdeka - Tidak dalam keadaan ihram haji atau umrah - Tidak dipaksa mewalikan - Tiada penyakit yang mencacatkan fikiran seperti nyanyuk atau gila - Mampu memelihara dan menguruskan hartanya	2 isi x 1m = 2m
		(iv)	Dua sebab perpindahan wali nasab kepada wali hakim - Tidak mempunyai wali nasab - Wali nasab berada jauh melebihi 2 marhalah - Wali hilang dan tidak dapat dikesan - Saudara baharu (mualaf) yang tiada wali nasab yang lain - Anak tidak sah taraf - Wali dalam ihram haji atau umrah - Wali enggan mewalikan pernikahan - Wali sendiri yang hendak berkahwin dengan perempuan tersebut dan tiada wali lain yang setaraf (sepupu lelaki yang akan mengahwini sepupu perempuan).	2 isi x 2m = 4m
4	(a)	(i)	Sejarah ringkas kerajaan Umayyah dari aspek berikut (a) Pengasas : Muawiyah bin Abi Sufian (b) Pusat pemerintahan : Damsyik, Syria	1m 1m
		(ii)	Dua sumbangan Umar bin Abdul Aziz - Mengecualikan bayaran cukai jizyah terhadap kafir zimmi sehingga ramai yang memeluk Islam - Mengeluarkan arahan rasmi kepada Ibnu Syihab al-Zuhri untuk membukukan hadis Rasulullah SAW - Membina rumah transit untuk para pedagang - Menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat seperti hospital, jambatan, perigi, jalan raya dan sistem pengangkutan awam - Mengasaskan dewan penasihat yang dianggotai oleh para ulama untuk memberikan nasihat kepada khalifah	2 isi x 2m = 4m

	(iii)	<p>Dua faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dalam aspek ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Baitul Mal yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan, contohnya pada zaman khalifah al-Walid bin Abdul Malik - Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian dan perdagangan untuk membangunkan negara. 	2 isi x 2m = 4m										
(b)	(i)	<p>Riwayat hidup Salahudin al-Ayubi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama penuh : Yusuf bin Ayub bin Syazi - Tarikh lahir : 532H - Tarikh meninggal dunia : 589H - Jawatan : Pemerintah bagi kerajaan al- Ayubiyah - Ketinggian akhlak : menghormati para ulama : berani mempertahankan Islam : prihatin terhadap kebajikan rakyat - Guru yang tersohor : Ali bin al-Hasan bin Hibbatullah bin Asakir al-Damsyiki 	3 isi x 1m = 3m										
	(ii)	<p>Tiga sumbangan Salahudin al-Ayubi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ketenteraan : membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera Salib - Keilmuan : mengembalikan semula pegangan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dalam sistem pendidikan - Pentadbiran : mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital yang dinamakan al-Bimarstan al-Atiq : sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit. 	3 isi x 1m = 3m										
	(iii)	<p>Rubrik penskoran:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kriteria</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan hujah sahaja</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td> <td>2m</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td> <td>3m</td> </tr> <tr> <td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4m</td> </tr> </tbody> </table> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menerapkan sifat berani mempertahankan agama - Menguasai pelbagai ilmu pengetahuan - Menjadikan Islam sebagai cara hidup - Mengamalkan akhlak yang mulia 	Kriteria	Skor	Menyatakan hujah sahaja	1m	Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m	Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m	Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m	4m
Kriteria	Skor												
Menyatakan hujah sahaja	1m												
Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m												
Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m												
Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m												

5	(a)	(i)	<p>Maksud wasatiah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan. 	1 isi x 2m = 2m										
		(ii)	<p>Dua prinsip wasatiah dalam aspek kesederhanaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab. - Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah. - Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi. 	2 isi x 2m = 4m										
		(iii)	<p>Rubrik penskoran:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kriteria</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan hujah sahaja</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td> <td>2m</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td> <td>3m</td> </tr> <tr> <td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4m</td> </tr> </tbody> </table> <p>Cadangan isi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengimbangkan antara urusan duniawi dan ukhrawi - Menggunakan potensi diri untuk mendapat keredaan Allah - Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT 	Kriteria	Skor	Menyatakan hujah sahaja	1m	Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m	Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m	Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m	4m
Kriteria	Skor													
Menyatakan hujah sahaja	1m													
Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas	2m													
Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi	3m													
Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4m													
	(b)	(i)	<p>Maksud istiqamah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi laranganNya. 	1 isi x 2m = 2m										
		(ii)	<p>Dua cara memiliki sifat istiqamah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu (1m) agar berterusan mengamalkan sifat mahmudah (1m). - Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah SWT (1m) agar dapat melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan laranganNya secara berterusan (1m). - Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para Rasul (1m) yang istiqamah melakukan kebaikan (1m). - Sentiasa muhasabah diri (1m) agar ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan (1m). - Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah (1m) supaya menjadi amalan dalam kehidupan (1m). - Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin (1m) dalam melakukan kebaikan (1m). 	2 isi x 2m = 4m										

	(iii)	<p>Dua hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan</p> <ul style="list-style-type: none">- Menzahirkan individu yang berakhlak mulia (1m) kerana melaksanakan kebaikan secara berterusan (1m)- Membentuk insan yang teguh pendirian (1m) dalam mempertahankan kebenaran (1m)- Memperkukuhkan jati diri (1m) dengan sifat sabar dan tidak berputus asa untuk berjaya (1m)- Memupuk sikap sanggup berkorban harta dan nyawa (1m) demi mempertahankan Islam (1m)- Membangunkan ekonomi (1m) kerana komitmen semua pihak untuk memajukan negara (1m)- Melahirkan sifat kebersamaan dalam masyarakat (1m) kerana sentiasa menjaga kepentingan bersama (1m).	2 isi x 2m = 4m
--	-------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT